

## **ENERGY EFFICIENCY CHALLENGE 2019**

### **TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN**

#### **1) KATEGORI PERTANDINGAN**

Pertandingan ini terbuka kepada semua sekolah menengah di seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah sahaja.

#### **2) OBJEKTIF PERTANDINGAN**

Pertandingan ini diadakan bagi mencapai beberapa objektif berikut: -

1. Membudayakan kehidupan cekap tenaga (*energy efficient*) dalam kalangan generasi muda bagi memastikan tenaga elektrik dapat digunakan dengan sebaiknya.
2. Mendidik dan memupuk budaya menjimatkan tenaga elektrik di kalangan para pelajar dan warga sekolah.
3. Memberi kesedaran kepada para pelajar dan warga sekolah mengenai kesan penjimatan tenaga elektrik kepada alam sekitar.

#### **3) TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN**

Syarat-syarat pertandingan ini adalah seperti berikut: -

1. Pertandingan ini dianjurkan oleh Suruhanjaya Tenaga.
2. Setiap sekolah hanya terhad kepada satu penyertaan sahaja.
3. Sekolah yang berminat perlu mengisi BORANG PENDAFTARAN *EE CHALLENGE 2019* (<http://bit.do/eec2019>).
4. Pihak sekolah **WAJIB** mengemukakan bersama sesalinan bil elektrik bagi bulan Januari hingga Disember 2018 semasa menghantar borang permohonan. Penyertaan adalah dikira terbatal sekiranya pihak sekolah tidak menghantar bil elektrik seperti yang diminta.
5. Borang penyertaan yang telah lengkap di isi perlu sampai kepada Urus Setia **sebelum atau pada 31 MAC 2019**.
6. Bil-bil elektrik yang dikemukakan kepada Urus Setia perlu menunjukkan penggunaan elektrik yang merangkumi keseluruhan kawasan sekolah seperti bangunan akademik, pejabat guru, makmal, dewan dan lain-lain. Bil-bil tersebut akan digunakan sebagai bukti ketika proses penilaian nanti.
7. Aktiviti-aktiviti penjimatan elektrik di sekolah di kira bermula pada bulan April hingga September 2019 (6 bulan) sahaja.
8. Laporan aktiviti-aktiviti penjimatan elektrik yang telah dijalankan sepanjang tempoh pertandingan perlu sampai kepada Urus Setia **sebelum atau pada 15 Oktober 2019**.
9. Pihak sekolah yang bertanding juga diminta untuk membuat satu video pembentangan hasil *EE Challenge 2019* dan diserahkan kepada Urus Setia samada di dalam bentuk cakera padat atau memuat naik video tersebut di laman sesawang pilihan. Video yang dihasilkan adalah mengikut kreativiti masing-masing namun haruslah mematuhi perkara berikut:

- a. Durasi video adalah di antara 3 - 4 minit sahaja
  - b. Memasukkan perkataan "*Energy Efficiency Challenge 2019*" anjuran Suruhanjaya Tenaga" dan logo Suruhanjaya Tenaga di dalam video
  - c. Didalam video menunjukkan logo sekolah dan objektif sekolah menyertai pertandingan
  - d. Menunjukkan suasana pertandingan *Energy Efficiency Challenge 2019* di sekolah seperti aktiviti yang dijalankan sepanjang pertandingan
  - e. Hasil daripada menyertai pertandingan *Energy Efficiency Challenge 2019*
10. Pihak Urus Setia, akan dari semasa ke semasa akan mendapatkan salinan bil daripada pihak TNB untuk tujuan penilaian dan pengesahan. Sekiranya terdapat unsur manipulasi data, penyertaan sekolah adalah dikira terbatal.
11. Semua keputusan pertandingan adalah muktamad.

#### 4) KRITERIA PENILAIAN PERTANDINGAN

1. Pemarkahan pertandingan adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

| Bil.          | Kriteria                                                      | Wajaran (%) |
|---------------|---------------------------------------------------------------|-------------|
| 1.            | Pengurangan elektrik<br>(Direct saving dan regression saving) | 30          |
| 2.            | Pengurangan Intensiti Tenaga                                  | 15          |
| 3.            | Bilangan aktiviti                                             | 15          |
| 4.            | Impak                                                         | 25          |
| 5.            | Laporan                                                       | 15          |
| <b>JUMLAH</b> |                                                               | <b>100</b>  |

2. Manakala pemarkahan bagi video pembentangan adalah seperti berikut:

##### a. Anugerah Pembentangan Video Paling Kreatif

Pembentangan Video Paling Kreatif akan dipilih sebagai pemenang oleh pihak Urus Setia berdasarkan:

| Bil.          | Kriteria                     | Wajaran (%) |
|---------------|------------------------------|-------------|
| 1.            | Kreativiti                   | 30          |
| 2.            | Pematuhan                    | 20          |
| 3.            | Kandungan Video Pembentangan | 30          |
| 4.            | Kualiti Suara                | 10          |
| 5.            | Kualiti Video                | 10          |
| <b>JUMLAH</b> |                              | <b>100</b>  |

**b. Paling Tular (Viral)**

Bagi kategori Video Paling Tular, pihak Urus Setia akan memuat naik video-video yang dihantar ke laman media sosial ST seperti facebook dan pemenang akan dikira melalui jumlah *likes*, *views* dan *comments* mengikut wajaran berikut:

| BIL.   | KRITERIA                         | WAJARAN (%) |
|--------|----------------------------------|-------------|
| 1.     | Facebook                         | 30          |
| 2.     | Youtube                          | 30          |
| 3.     | Instagram dan Twitter            | 30          |
| 4.     | Stream (staf Suruhanjaya Tenaga) | 10          |
| JUMLAH |                                  | 100         |

**5) CARTA ALIRAN PERTANDINGAN**



## 6) HADIAH

| KATEGORI UTAMA (LAPORAN)                   |                                                           |
|--------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
| Hadiah Pertama                             | Wang Tunai Bernilai RM12,000<br>Plak dan Sijil Penyertaan |
| Hadiah Kedua                               | Wang Tunai Bernilai RM10,000<br>Plak dan Sijil Penyertaan |
| Hadiah Ketiga                              | Wang Tunai Bernilai RM 8,000<br>Plak dan Sijil Penyertaan |
| Hadiah Saguhati (6x pemenang Zon)          | Wang Tunai Bernilai RM5,000<br>Sijil Penyertaan           |
| KATEGORI VIDEO PEMBENTANGAN PALING KREATIF |                                                           |
| Tempat Pertama                             | Wang Tunai Bernilai RM5,000<br>Trofi dan Sijil Penyertaan |
| Tempat Kedua                               | Wang Tunai Bernilai RM3,000<br>Trofi dan Sijil Penyertaan |
| Tempat Ketiga                              | Wang Tunai Bernilai RM2,000<br>Trofi dan Sijil Penyertaan |
| KATEGORI VIDEO PALING TULAR                |                                                           |
| Tempat Pertama                             | Wang Tunai Bernilai RM5,000<br>Trofi dan Sijil Penyertaan |
| Tempat Kedua                               | Wang Tunai Bernilai RM3,000<br>Trofi dan Sijil Penyertaan |
| Tempat Ketiga                              | Wang Tunai Bernilai RM2,000<br>Trofi dan Sijil Penyertaan |

## **7) PERTANYAAN LANJUT**

BORANG PENYERTAAN EE CHALLENGE 2019 perlu dihantar kepada Urus Setia EE Challenge di alamat berikut:

### **URUS SETIA EE CHALLENGE 2019**

Unit Kecekapan & Pemuliharaan Tenaga  
Jabatan Operasi Industri  
Tingkat 5, Suruhanjaya Tenaga,  
No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2,  
62100, Putrajaya.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai berikut:

En. Mohamad Faiz Bin Mohd Yusoff  
Tel.: 03 8870 8762  
Emel: [eechallenge@st.gov.my](mailto:eechallenge@st.gov.my)